

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos/September 1998**

**HKN 207 Fiksyen dan Drama Melayu dan Indonesia Moden**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGILAPAN [8] SOALANDI DALAM DUA [2 ] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan. **DUA** [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**Bahagian A:**

1. Boleh dikatakan bahawa novel sejarah lahir daripada ketegangan antara anasir-anasir faktual dan anasir-anasir rekaan. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang relevan, buktikan bahawa novel Sudara karya Arena Wati juga lahir daripada ketegangan tersebut dan hujahkan mengapa agaknya novel sejarah merupakan suatu jenis kesusasteraan yang sukar untuk diamalkan?
2. Novel Daerah Zeni karya A. Samad Said antara lain boleh dimengerti sebagai kisah yang menceritakan tentang suatu perjalanan melalui “madrasah kehidupan” yang dibuat untuk memperolehi pengetahuan. Buktikan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh konkret dan jelaskan mengapa plot ini sering dapat ditemukan dalam karya-karya sastera aliran Modernisme?
3. Satu kemungkinan untuk sastera mendidik masyarakat ialah dengan melemparkan pandangan kritis terhadap keadaan kemasyarakatan. Dengan merujuk kepada keadaan politik dan sosial dalam tahun-tahun 60-an, bincangkan bagaimana Shahnon Ahmad berjaya berbuat begitu melalui dunia rekaan yang diciptanya dalam cerpen “Tertikamnya Wakil Menteri”?

4. Satu ciri yang menarik dalam drama Matinya Seorang Pahlawan - *Jebat* karya Usman Awang ialah bahawa cerita tentang penderhakaan Hang Jebat dan pertarungannya dengan Hang Tuah diubahsuai untuk membawa mesej yang relevan untuk masa kini. Bincangkan.

**Bahagian B:**

5. Satu tema penting dalam novel Bukan Pasar Malam karya Pramoedya Ananta Toer ialah keperluan untuk si aku untuk menilai semula tokoh ayahnya yang sedang sakit tenat dan nazak di Blora, Jawa Tengah. Dengan memberi contoh-contoh yang relevan hujahkan mengapa dan sejauhmanakah si aku yang ingin menilai semula ayahnya itu boleh dimengerti sebagai rujukan kepada pengarang?
6. Cerpen-cerpen Danarto kadangkala dikutuk oleh pengkritik sebagai tulisan absurd dan lamunan seorang pengarang yang ingin lari dari kenyataan. Menurut pengkritik lain cerita-cerita tersebut sebenarnya ditulis untuk mendedahkan masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh setiap manusia. Hujahkan sama ada cerpen beliau yang bertajuk ‘Armageddon’ merupakan karya yang lari dari kenyataan atau karya serius yang mengkritik sesuatu keadaan.
7. Kebanyakan cerpen Putu Widjaja ditulis untuk menghancurkan atau paling sedikitnya mempersoalkan secara menyeluruh anggapan-anggapan kita tentang realiti. Salah satu teknik penting yang digunakan pengarang untuk membingungkan pembaca ialah ambiguiti. Buktikan pernyataan ini dengan berdasarkan cerpen beliau yang bertajuk ‘Kalau Boleh Memilih Lagi’.
8. Dikatakan oleh sesetengah pengkritik bahawa drama Sandhyakala Ning Majapahit karya Sanusi Pane merupakan suatu usaha romantis untuk menyeru dan mengenangkan kebesaran dan keperkasaan masa silam. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang relevan bincangkan sejauhmana tanggapan ini benar dan jelaskan mengapa drama ini boleh disebut sebagai drama romantis.